

19 JUL 2003

Yam Tuan-Pelabur (Bergambar)

TUANKU JA'AFAR MINTA USAHA TARIK PELABUR DIPERTINGKAT

KUALA PILAH, 19 Julai (Bernama) -- Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar meminta Kerajaan Negeri meningkatkan usaha menarik lebih ramai pelabur dari dalam dan luar negara melabur di negeri ini.

Baginda bertitah, walaupun perkembangan ekonomi bertambah baik dan positif, usaha menarik lebih ramai pelabur perlu dijalankan secara berterusan dari masa ke masa.

"Beta yakin, Negeri Sembilan mempunyai tarikannya yang tersendiri. Sektor pertanian juga perlu ditingkatkan lagi kerana kita mempunyai sumber tanah pertanian yang banyak.

"Kita perlu lebih pro-aktif dalam usaha memajukan sektor pertanian dan tidak bergantung kepada sektor industri semata-mata. Kepelbagaian hasil negeri akan menjamin kestabilan ekonomi," titah baginda pada istiadat pengurniaan pingat dan darjah kebesaran sempena ulang tahun keputeraan baginda ke-81 di Istana Besar Seri Menanti, dekat sini, hari ini.

Turut berangkat ialah Tuanku Ampuan Tuanku Najihah, Undang Luak Rembau, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol dan Tunku Besar Tampin serta Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan isteri Puan Sri Hazizah Tumin.

Tuanku Ja'afar bertitah Kerajaan Negeri perlu bijak mengeksploitasi Adat Perpatih sebagai produk pelancongan yang unik bagi menarik pelancong dalam dan luar negara kerana hanya Negeri Sembilan yang mengamalkan adat itu di negara ini.

Baginda yakin sektor pelancongan di negeri ini akan terus berkembang pesat dengan usaha-usaha mempromosi produk ini di peringkat nasional dan antarabangsa.

Pusat latihan dan institusi pengajian tinggi perlu banyak dibina di negeri ini bagi melahirkan lebih ramai tenaga mahir bagi mengisi kekosongan yang ada.

"Produk sumber manusia ini juga akan menjadi salah satu tarikan kepada pelabur kerana mereka tidak perlu mencari tenaga mahir dari luar kerana Negeri Sembilan sendiri mempunyai tenaga yang diperlukan itu," titah Tuanku Ja'afar.

Sementara itu, Menteri Besar dalam ucapan taat setianya berkata, kadar pertumbuhan ekonomi negeri tahun ini dijangka berada pada kadar empat hingga lima peratus, berbanding 4.2 peratus tahun lepas, katanya.

Beliau berkata prestasi ekonomi negeri dijangka terus positif walaupun keadaan ekonomi dunia dijangka mencatatkan pertumbuhan perlahan.

Bagi tempoh Januari hingga Mac tahun ini, pelaburan di negeri ini berjumlah RM1.5 bilion, berbanding RM767 juta bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Sektor perkilangan dan pertanian terus menjadi penyumbang utama kepada Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri masing-masing menyumbang 37 dan 16 peratus.

Kerajaan telah mengambil langkah membangunkan lagi sektor pertanian secara komersil seperti yang diwujudkan di Lembah Sepri dan Bukit Tembok, katanya.

Kerajaan Negeri juga sedang giat mempromosi pelbagai pakej pelancongan berkonsepkan sejarah, rekreasi, eko pelancongan bagi menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini, katanya.

Bagi menjalankan program promosi dan membangunkan destinasi pelancongan itu, kerajaan pusat telah memperuntukkan RM22.9 juta, manakala Kerajaan Negeri memperuntukkan RM4.1 juta, katanya.

Menteri Besar berkata Kerajaan Negeri juga telah berjaya mengurangkan kadar pengangguran di negeri ini kepada paras yang rendah iaitu 3.3 peratus, manakala kadar kemiskinan pada 2.5 peratus berbanding sasaran kerajaan sebanyak 4 peratus.

Pada istiadat itu, Tuanku Ja'afar berkenan menyampaikan pingat dan darjah kebesaran negeri kepada 132 penerima yang didahului bekas Pengerusi Felda Raja Tan Sri Muhammad Alias Raja Muhammad Ali yang menerima Darjah Seri Utama Negeri Sembilan (SPNS) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama.

Menantu Tuanku Ja'afar, Tunku Mimi Wahida Tunku Wahman dan Panglima Tentera Darat Jeneral Datuk Wira Mohd Shahrom Nordin menerima Darjah Seri Paduka Tuanku Ja'afar Yang Amat Terpuji (SPTJ) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Seramai 27 orang menerima Darjah Datuk Setia Negeri Sembilan (DSNS) yang membawa gelaran Datuk. Penerima yang lain ialah Ketua Eksekutif OPCOM Cables Sdn Bhd Mukhriz Mahathir.

Seramai 31 orang pula menerima Darjah Datuk Paduka Tuanku Ja'afar (DPTJ) yang turut membawa gelaran Datuk. Antara penerima lain ialah Anggota Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia, Soetan Moehamad Taufiq Thaib SH Tuanku Muda Mahkota Alam, Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan Pertama Abdul Mutalib Alias dan Ketua Pegawai Eksekutif TV3 Ahmad Farid Ridzuan.

Pada istiadat itu juga 27 orang menerima Darjah Setia Negeri Sembilan (DNS), 22 orang dikurniakan Pingat Pekerti Terpilih (PPT) dan 22 orang dilantik sebagai Jaksa Pendamai.

-- BERNAMA

APG BK PR